



Persatuan Pengguna Pulau Pinang Consumers Association of Penang

檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Website: (English, BM, Chinese & Tamil)
<https://consumer.org.my>

facebook.com/ConsumerAssociationPenang
twitter.com/consumer_penang
instagram.com/consumer_penang

Kenyataan Akhbar

17 Oktober 2025

Raikan Deepavali Tanpa Plastik

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa penganut Hindu yang menyambut Deepavali menjadikan Deepavali tahun ini sebagai sambutan tanpa plastik.

Plastik adalah bencana kepada dunia. Pencemaran plastik adalah salah satu ancaman yang paling berleluasa dan berbahaya kepada alam sekitar dan kesihatan awam kita.

Deepavali meraikan kejayaan kebaikan mengatasi kejahatan dan cahaya mengatasi kegelapan. Pada era hari ini, cabarannya adalah untuk menyambut Deepavali yang mesra alam tanpa pencemaran dan tanpa menggunakan produk tiruan dan plastik.

Gaya hidup moden menjana sejumlah besar sisa yang kebanyakannya daripada penggunaan produk sekali guna seperti botol air plastik dan minuman ringan, pinggan plastik, cawan, pisau, sudu, garpu dan pembungkusan makanan.

Deepavali sepatutnya diisi dengan kasih sayang dan bukannya plastik.

Meraikan Deepavali secara bertanggungjawab dan mesra alam bukan sahaja melindungi alam sekitar tetapi menghormati tradisi dan juga menjadi contoh kepada generasi akan datang.

Sesetengah penjual bahan manisan mengadu bahawa pengguna yang membeli manisan meminta plastik sekali guna untuk setiap barang yang mereka beli. Amalan ini mesti dihentikan kerana plastik membahayakan alam sekitar, hidupan liar dan kesihatan manusia dalam pelbagai cara, termasuk menyumbang kepada perubahan iklim.

CAP menasihatkan penganut Hindu agar meraikan perayaan tanpa plastik dengan mengatakan tidak kepada peralatan plastik, hiasan dan pembungkusan hadiah. Bahan seperti jut dan kain hendaklah digunakan sebagai ganti beg plastik. Bawa dan gunakan bekas keluli tahan karat anda sendiri untuk membeli manisan. Bawa beg anda sendiri dan bekas isi semula semasa membeli-belah.

Jangan hiasi rumah anda dengan hiasan plastik atau beli daun mangga plastik. Sebaliknya gunakan daun hijau asli.

Jangan menghidangkan makanan dalam bekas plastik atau gunakan pisau, sudu, garpu dan cawan plastik. Jika ada, hidangkan makanan di atas daun pisang atau tukar kepada peralatan dan pisau, sudu, garpu yang boleh digunakan semula. Sesetengah barangan ini mungkin lebih mahal daripada produk atau pembungkusan plastik, tetapi tahan lama dan lebih baik untuk alam sekitar dan kesihatan kita.

Deepavali ini jadilah lebih inovatif, hidupkan semula tradisi bebas plastik, amalkan amalan lestari dan bergerak ke arah dunia bebas plastik.

Sambutlah Deepavali secara mampan tanpa plastik.

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)